

Headline	Satu lagi usaha kerajaan bantu rakyat miliki rumah sendiri		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan)		
Date	21 Apr 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	37	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	216 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,513
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,539



## Satu lagi usaha kerajaan bantu rakyat miliki rumah sendiri

SEREMBAN - Orang ramai yang gagal dalam permohonan memiliki Rumah Rakyat 1 Malaysia (RR1M) disebabkan tidak memenuhi kriteria ditetapkan, mereka masih mempunyai peluang kedua menerusi permohonan Rumah Mesra Rakyat Plus (RMRPlus).

Produk perumahan baharu yang diuruskan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) melalui anak syarikatnya SPNB Mesra Sdn Bhd itu memberi peluang kepada individu memiliki rumah impian dengan syarat mempunyai tanah sendiri.

Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB, Datuk Ahmad Azizi Ali berkata, pembinaan RMRPlus itu hanya akan didirikan di atas tanah sendiri dengan keluasan 93 hektar (1,000 kaki persegi) atau 111.5 hektar (1,200 kaki persegi).

Beliau berkata, rumah tiga buah bilik dan dua bilik air itu dibina dengan harga RM108,888 seunit, manakala bagi rumah yang mempunyai keluasan 111.5 hektar akan dibina dengan harga RM126,000 seunit.

"Rumah pertama RMRPlus berukuran 111.5 hektar telah siap dibina di Lengeng dan mereka telah pun mendudukinya pada 8 Disember lalu. Manakala sebuah dalam proses pembinaan di Hulu Langat, Selangor.

"Kita sudah menerima

235 permohonan sejak ia diperkenalkan dua tahun lalu. Hanya 199 permohonan sahaja yang berpotensi tinggi untuk dipertimbangkan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Pelancaran Rumah Mesra Rakyat Plus serta Penyerahan Sijil Kelayakan dan Inden Kerja Rumah mesra Rakyat 1 Malaysia 2017 peringkat Negeri Sembilan di Kompleks Belia dan Sukan Paroi, di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Mat Ali Hasan.

Pada majlis tersebut, seramai 464 orang pemohon berjaya menerima Sijil Kelayakan Subsidi Pembinaan RMR1M, manakala 161 inden kerja dikeluarkan kepada kontraktor terpilih.

Sementara itu, Mohamad berkata, program RMR1M itu sebagai salah satu usaha kerajaan dalam membantu golongan berpendapatan rendah dengan gaji bawah RM3,000 untuk memiliki rumah dengan harga rendah.

Beliau berkata, banyak program perumahan disediakan kerajaan dalam usaha membantu rakyat membeli rumah mengikut harga pasaran semasa.

Headline	Satu lagi usaha kerajaan bantu rakyat miliki rumah sendiri		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan)		
Date	21 Apr 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	37	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	216 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,513
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,539



**Mohamad (tengah) dan Ahmad Azizi (tiga, kiri) bersama penerima Sijil Kelayakan Subsidi Pembinaan RMR1M pada majlis pelancaran di Kompleks Belia dan sukan Paroi, semalam.**